

NAMA:

TINGKATAN:



LATIHAN

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang paling sesuai.

- 1 Aini baru memulakan perniagaan dengan tunai di tangan RM5 000 dan kenderaan RM7 000 sebagai modal.
Apakah Buku Catatan Pertama yang sesuai untuk merekodkan urus niaga tersebut?
A Jurnal Am
B Jurnal Belian
C Jurnal Pulangan Jualan
D Jurnal Penerimaan Tunai
- 2 Urus niaga berikut yang manakah tidak direkodkan dalam Jurnal Am?
A Membeli meja pejabat secara kredit.
B Pulangan barang niaga rosak kepada penjual.
C Memindahkan akaun hasil dan belanja ke dalam akaun penamat.
D Membawa masuk kenderaan peribadi ke dalam perniagaan.
- 3 Antara berikut, manakah merupakan kumpulan Jurnal Khas?
I Jurnal Am
II Jurnal Belian
III Jurnal Pulangan Jualan
IV Jurnal Pembayaran Tunai
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 4 Kedai Buku Aliah menjual komputer terpakai secara kredit kepada Puan Naimah.
Buku Catatan Pertama manakah yang perlu digunakan untuk merekodkan urus niaga tersebut?
A Jurnal Am
B Buku Tunai
C Jurnal Belian
D Jurnal Pulangan Jualan
- 5 Pasar Segar Sapiyah menghantar invois kepada Kedai Makan Mutiara bernilai RM2 300 pada 8 Oktober 2016. Invois ini adalah untuk pembekalan barang masakan yang telah dipesan oleh Kedai Makan Mutiara seminggu sebelum tarikh berkenaan.
Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekodkan butiran invois tersebut dalam buku Pasar Segar Sapiyah?
A Jurnal Am
B Buku Tunai
C Jurnal Belian
D Jurnal Jualan
- 6 Sistem Panjar biasanya digunakan dalam penyediaan
A Buku Tunai
B Akaun Bank
C Penyata Bank
D Buku Tunai Runcit
- 7 Antara berikut, urus niaga manakah direkodkan dalam Buku Tunai sebelah kredit?
I Membayar hutang kepada pembekal.
II Jualan secara tunai kepada pelanggan.
III Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi.
IV Membawa masuk tunai peribadi ke dalam perniagaan.
A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

- 8 Pernyataan yang manakah **benar** tentang Catatan Kontra dalam Buku Tunai?
- A Menyediakan cara pembetulan kesilapan dalam Buku Tunai.
 - B Merujuk kepada pemindahan bank ke dalam tunai pejabat dan sebaliknya.
 - C Merupakan kaedah pembatalan diskaun diberi ke atas cek tak laku.
 - D Menyelaraskan jumlah antara diskaun diberi dengan diskaun diterima.
- 9 “Pemilik telah memindahkan tunai dari bank ke dalam perniagaan.”
Apakah sumber dokumen yang dirujuk untuk menyediakan catatan tersebut?
- A Memo
 - B Baucar
 - C Keratan cek
 - D Slip masuk wang
- 10 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Kedai Komputer Kamal:

Kod	Akaun	RM
1 Julai 2016	Jumlah penerimaan	500
1 Julai – 31 Julai 2016	Jumlah pembayaran	440

- Berdasarkan Sistem Panjar, berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang?
- A RM60
 - B RM440
 - C RM500
 - D RM940